

20 SEP 2003

Mahathir-BN

DR MAHATHIR KETUAI PEMIMPIN BN SAMBUT ULANG TAHUN KE-50 KONGSI KUASA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengetuai para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) merayakan ulang tahun ke-50 kerjasama perkongsian kuasa dengan pelbagai kaum di negara ini, di Stadium Merdeka di sini.

Perayaan ulang tahun itu (50 tahun perkongsian kuasa yang gemilang) bertemakan "Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia" itu turut disertai kira-kira 50,000 anggota parti komponen BN serta para penyokong parti.

BN dianggotai 14 parti iaitu Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRSS), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), United Pasok Momogun Kadazandusun Organisation (UPKO) dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan anggota Dewan Tertinggi BN.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN kemudiannya diiringi ke kereta Proton Cabriolet berwarna ungu, diringi bacaan sajak "Perjuangan mu belum selesai."

Berbaju batik biru berlambang dacing simbol BN, Dr Mahathir dan isteri serta diiringi Abdullah dan Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat yang menaiki Cabriolet berwarna perak, di bawa mengelilingi stadium dengan iringan lagu "Pahlawanku".

Perdana Menteri dijangka menyampaikan amanat penting yang juga merupakan ucapan terakhirnya sebagai Pengerusi BN kepada seluruh anggota BN dan rakyat pada perhimpunan yang terbesar dalam sejarah parti itu.

Perayaan itu turut disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Dr Mahathir akan bersara selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini.

Pada sambutan kali ini, tiga pemimpin parti komponen BN, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Tan Sri Amar Abdul Taib Mahmud yang mewakili parti komponen Sabah dan Sarawak, akan berucap.

Turut berucap ialah Abdullah selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk sambutan perayaan itu.

Dr Mahathir turut melancarkan pameran dan poskad bertemakan "Perpaduan Jati, Merdeka Abadi... Keranamu Malaysia".

-- BERNAMA

HS MUN AT RBZ HK LAT